

## SILAT SUKAN SEA

# Malaysia giatkan latihan

MALAYSIA akan menggiatkan latihan untuk mencabar 15 pingat emas acara pencak silat yang julung kali diperkenalkan di Sukan SEA Jakarta September ini.

Bagaimanapun, sebelum memulakan tiga peringkat latihan itu, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) kini berusaha menjadi anggota Majlis Olimpik Malaysia (MOM), kata setiausahanya Abdul Rahman Hassan semalam. **26 FEB 1987**

Mengikut peraturan, setiap badan kebangsaan yang ingin menyertai pesta sukan antarabangsa yang berhubung kait dengan MOM mesti menganggotai majlis itu terlebih dahulu.

Penyertaan pasukan pencak silat kebangsaan ke Jakarta sudah dipastikan apabila ia disenaraikan dalam kategori dua untuk kelayakan mendapat pembiayaan latihan dalam program Sukan SEA yang diumumkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) bagi tahun ini. Kini ia cuma memerlukan keanggotaan MOM.

**B. Harian (M)**

Abdul Rahman, berkata juara dan naib juara setiap kategori pada kejohanan kebangsaan tahun lepas di Kuala Terengganu akan dipanggil menjalani latihan pusat peringkat pertama di Kuala Lumpur yang dijangka bermula April ini.

Pasukan tuan rumah Sukan SEA adalah pilihan untuk merangkul sebahagian besar pingat-pingat itu. Bagaimanapun, selain Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam juga dijangka mengadakan persiapan untuk pertandingan itu.

Daripada 15 pingat di Sukan SEA, sembilan pingat untuk acara lelaki, lima untuk wanita dan satu untuk acara bebas.

Acara lelaki akan bermula dari kategori 'A' iaitu seberat 40 kilogram hingga ke kategori 'I' dengan kenaikan setiap lima kilogram dan kenaikan serupa pada lima kategori wanita. Sementara acara bebas terbuka kepada 65 kilogram ke atas.

Menurut Abdul Rahman pertandingan akan diadakan secara tiga pusingan, dengan dua minit setiap pusingan dan kiraan markah kemenangan akan diberi berdasarkan pukulan, tendangan, teknik jatuhan dan kerapian teknik persilatan setiap peserta. -- Bernama.

PERSATUAN Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) akan berusaha dengan lebih gigih untuk membawa pulang banyak pingat emas dalam Sukan SEA di Jakarta pada 9 hingga 20 September depan.

Bagi menentukan matlamat itu berjaya, PESAKA memanggil 30 pelatih untuk memulakan latihan pusat bulan depan sebagai persediaan awal.

Setiausaha persatuan itu A. Rahman Hassan berkata, pemilihan pelatih itu berdasarkan kejayaan mereka sebagai johan dan naib johan dalam Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan di Kuala Terengganu Disember lalu.

Katanya, daripada 30 pelatih itu PESAKA akan memilih 15 peserta sahaja termasuk lima wanita untuk ke Jakarta nanti.

## Sukan SEA Pesaka berusaha bawa pulang pingat emas

Pemilihan mereka itu berdasarkan peraturan yang ditetapkan iaitu lelaki dari kelas A hingga I dan wanita kelas A hingga E. Manakala bagi acara bebas peserta akan dipilih kemudian.

Beliau berkata, cabaran hebat di Sukan SEA nanti mungkin dari pasukan tuan rumah dan Singapura, tetapi tidak bermakna peserta kita akan menemu ke kegagalan.

"Indonesia dan Singapura juga turut melahirkan rasa bimbang mereka dengan kemampuan peserta negara kita," ujarnya.

Menurutnya, PESAKA gembira kerana mendapat sokongan dari Majlis Sukan Negara (MSN) yang sedia memberi peruntukan bagi menjalani latihan. **- 4 MAR 1987**

"Kami yakin jaguh-jaguh silat kami berupaya membawa pulang banyak pingat dan kami akan memastikan ia memperoleh lebih banyak pingat," ujarnya.

**B. Harian (M)  
Latihan**

A. Rahman berkata, ini kali pertama silat olahraga dimasukkan dalam Sukan SEA dan mungkin ini boleh membantu negara memungut lebih banyak pingat.

Katanya, latihan itu akan dikendalikan oleh jurulatih Anuar Wahab, Mohd Sani Murni dan Basiron Hamit.

Menurutnya, latihan itu dibahagikan kepada tiga peringkat dan setiap peringkat itu mengambil masa kira-kira dua minggu. "Pemilihan 15 pelatih terakhir itu berdasarkan kepada keupayaan, kecergasan, mental dan ketangkasan bertindak," jelasnya.

A. Rahman memberitahu, sebelum berangkat ke Jakarta mereka akan mengadakan beberapa perlawanan persahabatan dengan Indonesia, Singapura dan juga Brunei.